



JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
Galeria PjH, Aras 5, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8891 9000
Faks : 03-8891 9300

Ruj Kami: JPPKK/BKP/500-2/1/2 Jld.3 (62)
Tarikh : 04 AUGUSTO 2024

**PENGARAH-PENGARAH JPPKK
PENGARAH-PENGARAH POLITEKNIK
PENGARAH-PENGARAH KOLEJ KOMUNITI**

YBhg. Dato'/Dr./Ts./Tuan/Puan,


**PELAKSANAAN PERMOHONAN KE LUAR
PERSENDIRIAN MELALUI SISTEM HRMIS**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (sebelum ini Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik) JPA, telah membangunkan Submodul Kemudahan Lain bagi Permohonan Perjalanan ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian dalam HRMIS.
3. Kemudahan yang telah disediakan melalui sistem HRMIS adalah seperti berikut:

- i) Proses permohonan perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian iaitu:
- a) Urusan Persendirian
- Pemohon boleh membuat permohonan ke luar negara kesemua negara yang telah disenaraikan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) kecuali negara-negara seperti Israel dan Korea Utara; dan
 - Permohonan ke luar negara dalam tempoh hari bekerja perlu mendapat kelulusan Cuti Rehat kecuali bagi Cuti Umum dan hari kelepasan Am.
- b) Urusan Persendirian (*Blanket Approval*)
- Pemohon boleh membuat permohonan ke luar negara jiran iaitu Thailand, Singapura dan Brunei dan seterusnya proses kelulusan secara *blanket approval* oleh Ketua Jabatan;
 - Permohonan ini bagi pemohon yang selalu **berulang alik ke negara jiran dalam tempoh setahun**. Sekiranya bagi tujuan melancong bagi tiga (3) negara tersebut, pemohon perlu memilih untuk Urusan Persendirian sahaja; dan
 - Permohonan ini tidak memerlukan maklumat kelulusan cuti rehat.

Ruj Kami: JPPKK/BKP/500-2/1/2 Jld.3 (62)	
Tarikh : 04 AUGUSTO 2024	
PENGARAH POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN	
DITERIMA :	
UNTUK TINDAKAN	UNTUK EDARAN
SILA HADIR	UNTUK MAKLUMAN
UNTUK PERTIMBANGAN / KAJJAN	UNTUK SIMPANAN / FAIL
Pegawai :	
PENGARAH, PET S-U TPA, TPSA, PT	
PELAKSANAAN PERMOHONAN KE LUAR PERSENDIRIAN MELALUI SISTEM HRMIS	
NEGARA ATAS URUSAN SEMUA PT SUMBER CESA'RINA EDARAN PO SEMUA WARUNG MELALUI DEBIRAT EMAIL	



- ii) Proses kelulusan oleh Ketua Jabatan
 - Kelulusan permohonan ke luar negara atas urusan persendirian bagi pengarah-pengarah institusi adalah diperingkat Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti; dan
- iii) Proses membuat tuntutan kemudahan perlindungan insurans
 - Permohonan kemudahan perlindungan insurans hanya sah pada tarikh mula perjalanan yang mana hanya sekali pada tahun kalendar dan tidak melebihi tempoh 31 hari dari tarikh perjalanan pemohon.

4. Sebelum pelaksanaan ini, Pentadbir Sistem di Institusi terlebih dahulu perlu menetapkan peranan kepada Pemilik Kompetensi (CO) yang berkaitan dan menetapkan aliran kerja di modul pentadbir aliran kerja. Sesalinan Buku Panduan Latihan, Submodul Kemudahan Lain – Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian adalah disertakan untuk rujukan pihak tuan/puan.

5. Sehubungan itu, permohonan ke luar negara atas urusan persendirian melalui HRMIS akan digunakan sepenuhnya mulai **12 Ogos 2024**. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBhg. Dato'/Dr./Ts./Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai seperti berikut:

- i) Encik Mohammad Azhar Bin Mohd Rosli - 03 8891 9113
- ii) Puan Shuhada binti Mohd Kasim - 03 8891 9384
- iii) Encik Muhammad Hafiz bin Kamaru-Niza - 03 8891 9384

6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Dr./Ts./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI KHAIRIL ANUAR BIN KARIM)
b.p: Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi

sk: KPPK

TKP (G)




PANDUAN PERMOHONAN KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN MELALUI HRMIS - PEMILIK KOMPETENSI

01

Modul Pengurusan Saraan, Faedah dan Ganjaran

- Pilih Kemudahan Lain
- Fungsi < Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian < Permohonan dan Rekod Perjalanan Ke Luar Negara

Sebelum Mula Memohon



Permohonan Cuti Rehat

- Cuti rehat perlu dimohon dan diluluskan terlebih dahulu
- Mempunyai Polisi Insurans untuk tujuan ke luar negara

02

Permohonan Ke Luar Negara Baharu Pilih Sama Ada



- Urusan Persendirian - permohonan ke luar negara atas urusan peribadi yang ingin dipohon setiap kali keluar negara
- Urusan Persendirian (Blanket Approval) - permohonan keluar negara dalam tempoh setahun bagi pegawai yang sering berulang alik ke tiga (3) buah negara iaitu Singapura, Brunei dan Thailand



03

- Lengkapkan maklumat perjalan ke luar negara
- Mengisi butiran kemudahan perlindungan insurans

Pautan video: https://www.youtube.com/watch?v=O2kDR4W_yZg

Penggunaan sepenuhnya menggunakan sistem HRMIS:

12 Ogos 2024